

YOU 2008/A02  
0000265745

# Menanggung sakit untuk kepuasan dan kelainan

TINDIK dan tatu. Mengapa semakin ramai individu yang begitu terpengaruh dengan budaya Barat ini? Pelbagai pandangan dan tanggapan masyarakat sekeliling terhadap mereka yang bertindik keterlaluan dan mencacah tatu.

Ada yang berpendapat itu kerja gila kerana menyakitkan diri sendiri tetapi bagi mereka yang 'berani' melakukannya, ia dianggap sebagai 'trend' dan perkembangan masa kini.

Tanpa mengenal sakit dan sanggup menyetepikan larangan agama, anak muda sekarang seolah-olah berbangga apabila bertindik keterlaluan dan bertatu. Ini semua untuk memenuhi kepuasan diri, mencipta kelainan dan terpengaruh dengan ajakan rakan sekeliling.

Jelita meninjau pandangan individu yang bertindik keterlaluan dan melarik tatu di tubuh. Ramai yang keberatan untuk memberi pandangan tetapi tidak kurang juga berbangga dengan kelainan yang ditonjolkan. Ikuti apa kata mereka:

Lisa, 28

Menindik keterlaluan dan bertatu bukan menjadi masalah kepada Lisa, yang sudah mengenali tatu dan tindik sejak di bangku sekolah.

"Saya mula bertindik ketika berusia 15 tahun. Apabila dimarahi cikgu, saya tidak hirau. Lama-kelamaan cikgu tidak marah. Begitu juga dengan ibu bapa saya. Mula-mulanya tentulah bising. Mereka tanya kenapa saya tindik banyak-banyak, saya katakan untuk berseronok. Macam-macam soalan yang mereka tanya tetapi akhirnya tidak tanya lagi, katanya sambil ketawa.


Apabila ditanya mengenai kebersihan alat-alat yang digunakan sebelum bertindik, dengan ringkas dia menjawab:

"Saya yakin peralatan yang digunakan bersih kerana saya memilih kedai yang mengamalkan kebersihan barang-barangnya. Sebelum ditindik, alat-alat itu akan disterilkan di depan saya."


Biarpun bertindik dengan banyak, Lisa tidak pernah menghadapi masalah bermanah atau luka pada bahagian yang ditindiknya.

"Jika ingin mengenal pasti sama ada kedai itu melakukan kaedah menindik dengan betul atau tidak, lihat alat-alat yang digunakan. Jika menindik di telinga ia akan menggunakan cara 'tembak' manakala bahagian lain tidak boleh menggunakan cara ini kerana pisau digunakan jika mahu menindik kening, lidah dan pusat.

"Saya pernah tindik enam di telinga



Bertindik dan bertatu untuk mencapai keseronokan.



Sanggupkah anda melakukannya semata-mata untuk berfesyen.

kanan dan dua di telinga kiri secara serentak. Tidak terlintas pula perasaan takut pada masa itu malah puas dan seronok."

Bukan sekadar bertindik, tubuh Lisa juga bertatu. Perhatikan tubuh gadis tinggi lampai ini bertatu, saya semakin teruja untuk mengetahui latar belakangnya.

Lisa suka berterus terang, menjadikan perbuatan saya dengannya semakin rancak apabila membincangkan mengenai tindik dan tatu.

"Bagi saya bertindik keterlaluan dan bertatu adalah perkara biasa yang semakin menjadi kegilaan anak muda pada masa sekarang."

Tatu yang dilukis pada tengkuk dan belakang bahu sebelah kanannya ada maksud tersendiri. Dia tidak menafikan mencacah tatu adalah sakit. "Saya berfikir 10 tahun sama ada untuk membuat tatu atau tidak pada tubuh saya. Sudah tentu juga tatu yang dilukis membawa erti dalam hidup saya."

Tatu pada bahagian belakang tubuh Lisa bermaksud *Angel* dan *Devil* yang

digabungkan menjadi satu nama iaitu *Devlin*, yang turut menjadi nama timangannya. Lukisan tatu di tengkuknya pula membawa maksud yang dia menginginkan sepasang anak lelaki dan perempuan untuk masa depan serta tahun kelahirannya iaitu 1979. Lukisan tatu ini juga adalah ciptaannya sendiri.

"Bertindik lebih menyakitkan berbanding tatu. Menindik meninggalkan kesan seperti bengkak selama seminggu dan menyebabkan kita tidak selesa manakala bertatu pula hanya sakit seketika, iaitu ketika tatu dilukis pada tubuh. Ia tidak meninggalkan kesan."

Lisa tidak kisah dengan sebarang tanggapan orang lain terhadapnya kerana yang penting dia selesa dengan setiap yang dilakukannya. Sebagaimana diketahui, mencacah tatu pada tubuh hukumnya adalah haram bagi umat Islam namun bagi Lisa, tatu dapat memenuhi keinginannya dan dia tidak terfikir risiko pada masa akan datang.

## Ken, 28


Dia inginkan kepuasan dan mahu mempamerkan pada orang ramai. Kesakitan bukan penting kerana dia mahu tampil menarik dengan bertindik dan bertatu.

"Orang yang bertindik lebih daripada satu ada objektif yang sama iaitu inginkan kelainan dalam diri mereka, tidak kira bangsa dan agama. Bertindik adalah 'trend'. Saya mula bertindik ketika berumur 15 tahun."

Pandangan ibu bapanya? Sambil ketawa Ken menjawab: "Saya beritahu ibu bapa saya selepas bertindik. Mereka tidak memberi sebarang komen apabila melihat telinga saya sudah bertindik."

Di kalangan lelaki Barat, menindik sebelah telinga bermaksud 'gay' tetapi di Malaysia, ia sebagai memenuhi kepuasan dan mengikut perkembangan semasa."

Ken lebih gemar menindik kening berbanding telinga kerana mahu kelihatan berbeza dan menarik. Dia juga mengaku bahawa bertindik pada



Bertindik keterlaluan tidak wajar dijadikan ikutan.

kening lebih sakit daripada telinga kerana kening lebih sensitif dan lembut.

Bagaimana Ken menjaga subang yang terlekat pada keningnya? "Bahan hiasan yang digunakan berkualiti. Masalah karat tidak timbul jika anda memilih kedai tindik yang betul."

Masalah mengamalkan seks bebas turut dikaitkan dengan individu yang bertindik keterlaluan. "Masalah seks bebas tidak semestinya berlaku di kalangan mereka yang suka bertindik keterlaluan sahaja sebab orang yang tidak bertindik pun ada yang

melakukan seks bebas. Jangan pandang kami yang bertindik ini melakukan perkara tidak baik." Ken berpendapat, mereka yang bertanggung sedemikian ketinggalan zaman kerana bertindik keterlaluan adalah nikmat peribadi.

#### Kelvin, 27

Pernah menerima tohmahan daripada orang ramai yang menganggapnya jahat, kaki pukul dan 'gangster' kerana bertindik secara keterlaluan. Tubuhnya turut dihiasi tatu.

Tatu dan tindik adalah satu seni yang bukan lagi salah di sisi undang-undang

malah kerajaan juga memberi lesen perniagaan untuk membuka premis tatu dan tindik. Kelvin mula bertindik ketika berusia 13 tahun. Ibu bapanya marah apabila melihat telinganya ditindik kerana menganggapnya seperti perempuan.

Bagaimanapun, Kelvin berpendapat tatu yang dilukis pada seluruh badan atau muka kurang sesuai kerana kelihatan hodoh.

Tidak takutkah pada larangan agama? Sambil tersenyum Kelvin berkata: Saya 'free thinker'. Pelbagai pandangan dan pendapat mengenai tatu dan tindik. Namun sanggupkah anda melakukannya untuk memenuhi kepuasan, keseronokan, 'trend', mencipta kelainan dan terikut-ikut pengaruh kawan? Tepuk dada tanya selera. 